# FYi

NIOSH
National Institute of Occupational Safety and Health

December 2019
ISSN 1675-5464

*Your OSH preferred partner*




- ★ AOSHRI Progress Meeting 2019
- ★ Meet and Greet with NIOSH Chairman
- ★ "Malam Kimia" & Presentation of IKM Awards 2019
- ★ Selamat Tahun Baru 2020
- ★ MoU LLM & NIOSH
- ★ Lawatan kerja UiTM Shah Alam ke NIOSH
- ★ Karnival OSH 2019 NIOSH Wilayah Utara

# Executive Director's Note

*I would like to start with a huge thank you to all NIOSH staff, members and industry. Thank you for all your wonderful contributions towards the growth and success of NIOSH to drive the Occupational Safety and Health (OSH) in our nation. NIOSH strive to put our clients at the heart of everything we do and we sincerely would like to thank all our clients, the many long-term and new clients we have, for their trust, their support and their excellent cooperation with us.*

*See you next year!*

*Regards*

*Haji Ayop Salleh*
*Executive Director*
*NIOSH*


## Editorial Board

DECEMBER 2019
eISSN 2672-7412

### EDITORS

- **HAJI SHAHRONIZAM NOORDIN**
  Manager of Information and Dissemination Division
- **ROSLINA MD HUSIN**
  Executive of Information and Dissemination Division
- **M.HAMZAH JAMALUDIN**
  Executive of Business and Marketing Division

### WRITERS

- **HAJI MOHD ESA BARUJI**
  Technical Specialist I

### ADVERTISING & MEDIA SALES

- **MOHD HUSSIN ABD SALAM**
  Manager of Business and Marketing Division
  Email: bmd@niosh.com.my
- **RANJITHA A/P BALA**
  Executive of Business and Marketing Division
  Email: bmd@niosh.com.my

### PUBLISHER

- **NIOSH**
  Lot 1, Jalan 15/1, Section 15
  43650 Bandar Baru Bangi,
  Selangor Darul Ehsan.
  Malaysia
  Tel : 03-8769 2100
  Fax : 03-8926 2900
  Email : general@niosh.com.my
  Website : http://www.niosh.com.my

# AOSHRI PROGRESS MEETING 2019



**The Asian Occupational Safety and health Research Institute (AOSHRI) Progress Meeting was held from 27 to 28 August 2019 at the National Institute Occupational Safety and Health (NIOSH) Malaysia located at Bangi, Selangor, Malaysia. The agenda of the meeting are as follows:**

- **To** discuss on current progress of Occupational Safety and health (OSH) collaboration research and ongoing projects,
- **To** utilise information shared by each country to identify new and emerging OSH issues,
- **To** consolidate the emerging OSH issues through new collaboration projects among country members,
- **To** share OSH practices in Malaysia with AOSHRI members, and
- **To** facilitate a greater exchange of ideas and to advance OSH knowledge and innovation.




## International Platform to Strengthen the OSH Research Collaboration

The AOSHRI Progress Meeting 2019 was decided last year (2018) during the 7th AOSHRI Meeting in Taiwan. The meeting had decided that NIOSH Malaysia should organise the AOSHRI Progress Meeting in order to ensure the collaborative research among AOSHRI's country members is on schedule and achieved its objectives.

NIOSH Consultation, Research and Development Department (CRDD) as the anchor of the event, together with assistance of other departments was given the responsibility to organise the progress meeting. The AOSHRI progress meeting 2019 was organised back to back with Malaysia's biggest OSH conference and exhibition known as COSH 2019 on 26th and 27th August 2019. Six of the AOSHRI country members also participated as plenary and concurrent speakers Japan and Republic of Korea participated as plenary speakers, while Singapore, Taiwan, Sri Lanka and Thailand were involved as concurrent speakers. A very positive feedback was received from more than 1,000 participants in response to the paper presentation by AOSHRI member at COSH 2019.




A total of 18 delegates have attended the programme with Malaysia, Japan, Singapore, Thailand, Sri Lanka and Brunei had sent a representative each while Taiwan and Republic of Korea sent 3 participants each and another 6 were from Indonesia. Cambodian representative couldn't make it at the last minute due to unforeseen circumstances in his country. NIOSH Malaysia was represented by Mr. Hj. Mohd. Esa Bin Hj. Baruji, Technical Expert 1 (Principle Researcher) for CRDD.

There were four collaborative research projects discussed in the 4 smaller groups consist of the delegates, NIOSH technical expert, rapporteur and moderator to discuss the objectives, scope, methodology, data collection strategy and other related matters pertaining to the particular projects. Three collaborative projects were actually the continuation projects from last AOSHRI meeting in Taiwan (Construction Safety, Psychosocial Health, and Under Reporting). Meanwhile, one of the new proposed collaborative projects was Industrial Revolution 4.0 (IR 4.0). The meeting had agreed to formalise the appointment of a leader and deputy leader for each project to coordinate and monitor the progress of the project. NIOSH Malaysia was elected as the deputy leader for the IR 4.0 and under- reporting projects.






The delegates were also brought to visit the Royal Museum in Kuala Lumpur, Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), PETRONAS Twin Towers and Occupational Safety & Health Evaluation and Control Technology Centre (OSHECT) NIOSH Malaysia. They were later treated to local cuisines at De' Wan 1958 Café where they also sampled famous local fruits such as durian, cempedak, mangosteen, langsat and rambutan.

Korea Occupational Safety and Health Agency (KOSHA) representative also made a presentation on KOSHA' background, IOHA 2020 programme and the proposed AOSHRI 2020. The decision to appoint KOSHA as the next chairman was made during AOSHRI 2018 in Taiwan. NIOSH Malaysia was grateful with the attendance and participation of AOSHRIs' delegates.

The secretariat of the AOSHRI progress meeting also would like to thank NIOSH Malaysia's top management, especially our Executive Director, Mr. Hj. Ayop Bin Salleh, in making this programme a success through strong financial and moral support. Not to forget, our Executive Secretary, Mr. Hj. Major (RTD) Hanif Bin Maidin and Mr. Khairunnizam Bin Mustapa, CRDD's General Manager, and other parties who were directly and indirectly involved in this programme.

The programme has also achieved its objectives. This platform has increasingly become more and more relevant and meaningful to all the members in order to reduce or minimise accidents, dangerous occurrences, occupational diseases and occupational poisoning at workplace across the Asian region. The sharing of OSH information is very crucial to all AOSHRI members in understanding the root cause of occupational safety and health issues at workplace. They could also help suggest the practical solutions based on the countries OSH framework. Hazards are borderless and blind. All AOSHRI members are urged to give response and feedback to the leader or deputy leader of each project by providing the information required, (if they are not confidential). It will help make the collaborative research project more meaningful and successful. The progress of the project will be presented during 8th AOSHRI Meeting 2020 in the Republic of Korea by leader/ deputy leader of each group.









(This report was prepared by Secretariat of AOSHRI Progress Meeting 2019:

1 *Hj Mohd Esa Baruji*
2 *Noorhasimah Awang*
3 *Muhammad Syaidan*
4 *Nor Amirul Asraf Razali*
5 *Muhammad Zaki Nordin*












Majlis Makan Tengah Hari

# Ahli Lembaga Pengarah NIOSH

*bersama Menteri Sumber Manusia*

**KUALA LUMPUR**: 4 Disember 2019 - Majlis Makan Tengah Hari Ahli Lembaga Pengarah NIOSH bersama Menteri Sumber Manusia, YB M Kula Segaran telah diadakan di Le Meridien Putrajaya.

Majlis ini turut dihadiri oleh
YB Alice Lau Kiong Yieng, Pengerusi NIOSH;
Tuan Haji Ayop Salleh, Pengarah Eksekutif NIOSH dan
Ahli-Ahli Lembaga Pengarah NIOSH.

YB Menteri juga menyampaikan amanat kepada Ahli Lembaga Pengarah NIOSH khususnya berkaitan dengan perancangan dan aktiviti NIOSH bagi tahun 2020.





Program santai ini dianjurkan bagi merapatkan lagi hubungan NIOSH dengan rakan-rakan industri, jabatan, agensi kerajaan serta kakitangan jabatan dan persekutuan yang berada di Sarawak. Ia dianjurkan sempena rangka lawatan YB Alice Lau Yieng, Pengerusi NIOSH.

Majlis ini turut disertai oleh Ybrs Tuan Gunasegaran Kandaswamy, Naib Pengerusi NIOSH dan Pengurus NIOSH Wilayah Sarawak, Puan Normiza Suhaili.



*Sesi 'Meet and Greet' Sempena Program*

# *Lawatan Pengerusi NIOSH, YB Alice Lau Kiong Yieng ke Pejabat NIOSH Wilayah Sarawak (Kuching).*
















# SESI "MEET AND GREET" SEMPENA PROGRAM

## Lawatan Pengerusi NIOSH, Y B Alice Lau Kiong Yieng

ke NIOSH Pejabat Wilayah Sabah (Kota Kinabalu).




Program santai bersama rakan-rakan industri, jabatan dan agensi kerajaan serta kakitangan NIOSH Sabah ini dianjurkan sempena rangka lawatan YB Alice Lau Kiong Yieng, Pengerusi NIOSH dan YBrs Tuan Gunasegaran Kandaswamy, Naib Pengerusi NIOSH ke Sabah dan Sarawak.




Antara sesi perkongsian bersama industri adalah berkaitan dengan program "B40 Capacity Building" anjuran NIOSH, inisiatif mempertingkatkan bilangan pekerja terlatih di Sabah dan Sarawak serta menggalakkan golongan wanita menyertai program kompetensi keselamatan dan kesihatan pekerjaan.




# Malam Kimia & Presentation of IKM Awards 2019



KUALA LUMPUR: 6 December 2019 – NIOSH Industrial Hygiene Analytical Laboratory (IHAL), has added another feather in its cap when it receives the excellence award for the 9th consecutive year in the chemical testing category.

The prestigious award was handed over to NIOSH by Dr. Mohd Nor Azman Hassan, Deputy Secretary General (Science, Technology & Innovation) Ministry of Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change (MESTECC) at "Malam Kimia" & Presentation of IKM awards 2019" held at the Sime Darby Convention Centre, Kuala Lumpur.

## *Congratulations* NIOSH IHAL!

**MALAYSIA INSTITUTE OF CHEMISTRY**

NIOSH Industrial Hygiene Analytical Laboratory (IHAL) obtained the "IKM Laboratory Excellence Award" for the 9th consecutive year in the Chemical Testing category.

IKM Laboratory Excellence Award for the Chemical Testing category (for 9th consecutive years)














NIOSH ingin mengucapkan Selamat Tahun Baru 2020 kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan program dan aktiviti NIOSH.

Penghargaan kepada semua Ahli NIOSH, Para Majikan dan Pekerja yang sentiasa menyokong dan memberikan penuh dorongan kepada kami. Usaha bersama di dalam mengurangkan kemalangan di tempat kerja akan diteruskan ke arah mencapai kemalangan sifar.
















Ucapan terima kasih tidak terhingga kepada pihak kerajaan negeri dan persekutuan khususnya jabatan dan agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM). Ucapan terima kasih khas kami berikan kepada pengurusan tertinggi KSM yang di pimpin oleh YB M Kula Segaran, Menteri Sumber Manusia; dan YB Dato' Mahfuz Hj Omar, Timbalan Menteri Sumber Manusia.

Terima kasih juga kepada Ketua Setiausaha KSM, YBhg Dato' Amir Omar; TKSU Dasar & Antarabangsa, YBhg. Datuk Muhd Khair Razman Bin Mohamed Annuar; dan TKSU Operasi, YBrs Tuan A. Maniam.



# Majlis Menandatangani
# Lembaga Lebuhr




Majlis menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) antara NIOSH dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) telah diadakan ketika Majlis Pelancaran dan Sambutan Hari Profesion Teknikal Negara (HPTN) 2019. Majlis tersebut diadakan pada 4 Disember 2019 di Telekom Malaysia Convention Centre.

Majlis tersebut ditandatangani oleh wakil NIOSH Tuan Hj. Ayop Salleh, Pengarah Eksekutif dan Mejar Hj. Hanif Maidin (B), Setiausaha Eksekutif NIOSH. Manakala LLM pula diwakili oleh Dato' Ir. Mohd Shuhaimi Hassan, Ketua Pengarah dan Ir. Abdullah Hashim, Timbalan Ketua Pengarah. MoA yang ditandatangani adalah berkaitan pelancaran Expressway Operations Safety Passport (EOSP).




# MoA antara NIOSH dengan aya Malaysia (LLM)




Majlis tersebut turut disaksikan oleh tetamu kehormat iaitu Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, YBhg. Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin Syed Ikhsan. Sementara wakil NIOSH iaitu Encik Saupi Nazri Mamat, Pengurus Kanan Jabatan Pendidikan dan Latihan & Pejabat Wilayah, Puan Noorliza Idawati Mat Nayan, Pemangku Pengurus Kanan Korporat dan beberapa kakitangan lain. Semasa majlis berlangsung, kad EOSP turut diberikan kepada pihak LLM.



# Lawatan Rasmi Bagi Menjalin Kerjasama di antara UiTM dan NIOSH




**NIOSH Malaysia:** 12 Disember 2019 - Pusat Jaringan Industri, dibawah Pejabat Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN) UiTM menngadakan lawatan rasmi ke pejabat NIOSH bagi merealisasikan cadangan untuk kolaborasi akademia – industri di antara UiTM dan NIOSH. Lawatan yang melibatkan para penyelidik dari fakulti dan cawangan tersebut bertujuan memberi peluang kepada mereka berbincang mengenai kerjasama yang boleh diadakan dengan pihak NIOSH. Ia turut membuka peluang kerjasama lain dan pihak NIOSH juga bersetuju untuk mengadakan kunjungan balas bagi melihat kemudahan penyelidikan yang ada di UiTM.





# Makluman Perpindahan Pejabat NIOSH Wilayah Selatan (Melaka)




Pejabat NIOSH Wilayah Selatan (Melaka) akan berpindah & memulakan operasi di Pejabat Baru pada 02 Januari 2020 bertempat di:

**Pejabat Baru**

World Youth Hotel Sdn. Bhd,
PT. 18708, Mukim Bukit Katil,
Daerah Melaka Tengah, Ayer Keroh,
Melaka, 75450 Malacca.
T : 06 2326855 / 6866
F : 06 2326805

Link Lokasi : https://maps.app.goo.gl/BAg5agoMd2GmyJxV6

# Karnival OSH 2019
## anjuran NIOSH Wilayah Utara




21 Disember 2019
- Karnival OSH diadakan
di Symphony Suites Hotel,
Ipoh, Perak
anjuran NIOSH Wilayah Utara.

# 12 pekerja kilang melecur

**Johor Bahru:** Seramai 12 pekerja penyelenggara sebuah kilang di Jalan Nibong, Kawasan Perindustrian Tanjung Langsat di sini, melecur di badan berikutan tong solvent di luar kilang terbakar, pagi semalam.

Ketua Polis Daerah Seri Alam, Superitendan Ismail Dollah berkata, dalam kejadian 9.21 pagi itu semua mangsa melakukan kerja penyelenggaraan.

"Akibat kejadian itu, 12 pekerja melecur di badan dengan dua daripadanya dirawat di Hospital Sultan Ismail (HSI), Hospital Penawar (empat) dan enam dirawat sebagai pesakit luar di Hospital Penawar Pasir Gudang," katanya.

Menurutnya, api dipadamkan sepenuhnya unit kebakaran sebuah syarikat jam 9.27 pagi dan punca kejadian masih disiasat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Johor.

Ismail berkata, kes diserahkan kepada JBPM Johor dan berharap orang ramai jangan membuat spekulasi.

**12 PEKERJA KILANG MELECUR**
Publication: **Harian Metro**
Date of publication: **10 December 2019**
Page number: **19**

# Lam Thye receives social activist award

**KUALA LUMPUR:** Social activist Tan Sri Lee Lam Thye has been honoured the Lang International Award for his contributions to the community and country.

The 73-year-old received The Most Outstanding Social Activist Award from Rural Development Minister Datuk Seri Rina Harun at the Lang International Corporate Titan Awards gala dinner on Friday.

Selection Committee chairman Datuk Lee Chee Weng said Lam Thye was the most suitable figure for the title due to his tireless efforts in providing service to the nation for nearly 50 years.

Lee is the chairman of the EcoWorld Foundation and Yayasan Sukarelawan Siswa, senior vice-chairman of Malaysia Crime Prevention Foundation, patron of the Society for the Prevention of Cruelty to Animals Selangor and Malaysia Psychiatric Association, among others.

He is a member of the National Water Activity Safety Council, Mental Health Promotion Advisory Council and the trustee of the Malaysia Unity Foundation.

He is also a board member of the New Straits Times Press Bhd and served as the chairman of the National Institute of Occupational Safety and Health for 27 years before his contract ended in September.

Lee said he dedicated the award to all Malaysians who had worked hard to help others.

"This award will motivate social activists like me to work harder and put more effort to realise the meaning of caring Malaysians," he said.

Lee added that community work should not be a one-off initiative, but a continuous and sustainable effort to help people, particularly the less fortunate.

"It will make the less fortunate realise that people are always there to help them."




*Rural Development Minister Datuk Seri Rina Harun (second from right) presenting the Lang International Award to Tan Sri Lee Lam Thye (right) in Kuala Lumpur on Friday. Present are Majlis Amanah Rakyat deputy director-general (entrepreneurship) Datuk Zulfikri Osman (left) and Selection Committee chairman Datuk Lee Chee Weng.* PIC BY ASYRAF HAMZAH

**LAM THYE RECEIVES SOCIAL ACTIVIST AWARD**
Publication: **New Straits Times**
Date of publication: **01 December 2019**
Page number: **11**

# Kren berantai tumbang, bayi antara empat cedera

## Jentera berat hempap 3 rumah, dua kereta dekat tapak projek kondominium

Oleh Fazrik Kamarudin dan Wan Noor Hayati Wan Alias
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Empat individu, termasuk seorang bayi lelaki berusia tiga bulan, cedera selepas sebuah kren berantai di tapak projek pembinaan kondominium tumbang di Bandar Baru Sentul, di sini, semalam.

Kren terbabit dilaporkan menghempap tiga rumah dan dua kereta, sekali gus menghalang laluan jalan raya di lokasi terbabit.

Pusat Gerakan Operasi, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kuala Lumpur memaklumkan, pihaknya menerima panggilan kecemasan berhubung insiden itu pada jam 6.34 petang.

"Susulan itu, sepasukan 11 anggota bersama sebuah jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat Sentul diketuai Othman Abu Bakar, dihantar ke lokasi kejadian.

"Setiba di lokasi 12 minit kemudian, pasukan penyelamat mendapati sebuah kren berantai tumbang dan menghalang laluan jalan raya.

"Ada empat mangsa mengalami kecederaan, iaitu seorang lelaki, dua wanita dan seorang bayi lelaki berusia tiga bulan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Semua mangsa yang cedera kemudian dihantar dengan ambulans ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) untuk rawatan lanjut.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Husdin Che Amat, ketika dihubungi berkata punca kejadian sedang disiasat, manakala peruntukan undang-undang bergantung pada hasil siasatan.

"Kren tumbang melepasi jalan raya dan terkena rumah awam. Kecederaan membabitkan seorang lelaki, dua wanita dan seorang bayi yang identiti belum diketahui, setakat ini.

"Dalam kejadian itu, semua mangsa menaiki sebuah kereta jenis Honda sebelum kren tumbang dan mengenai kenderaan itu," katanya.

Difahamkan, Ahli Parlimen Batu, P Prabakaran, turut melakukan tinjauan di lokasi kejadian sejurus laporan diterima.



*Kren berantai tumbang menghempap rumah dan kereta serta menghalang laluan di Bandar Baru Sentul, Kuala Lumpur, semalam.* (Foto ihsan bomba)

**KREN BERANTAI TUMBANG BAYI ANTARA EMPAT CEDERA**
Publication: **Berita Harian**
Date of publication: **14 December 2019**
Page number: **52**

# Perundangan komprehensif tangani isu keselamatan

**Kuala Lumpur:** Kementerian Sumber Manusia dalam proses mewujudkan perundangan lebih komprehensif bagi menangani isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan terutama di sektor pembinaan di negara ini.

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dalam kenyataannya berkata, ia akan dilaksana menerusi Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Reka Bentuk Pembinaan dan Pengurusan) yang dijangka diwartakan suku pertama tahun depan.

Katanya, inisiatif menerusi JKKP itu dibuat selepas mengadakan sesi libat urus bersama pemegang taruh utama dalam sektor pembinaan negara.

"Peraturan ini menitikberatkan tanggungjawab dan pembabitan 'duty-holder' (pemegang tugas) secara mandatori termasuk pemilik projek, pereka bentuk dan kontraktor binaan.

"Ia dibuat berdasarkan falsafah 'Self-Regulation' (kawal selia kendiri), tanggungjawab untuk memastikan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja adalah terletak kepada mereka yang mewujudkan risiko serta bekerja dengan risiko berkenaan," katanya.

Kenyataan itu menyebut, skop peraturan akan lebih luas berbanding peraturan sedia ada kerana ia merangkumi keseluruhan kitaran hayat bangunan dari fasa reka bentuk, pembinaan, operasi dan selenggaraan hingga ke peringkat perobohan binaan.

"Peraturan ini menitikberatkan analisa risiko dibuat ketika fasa reka bentuk dan akan menggantikan peraturan sedia ada iaitu Peraturan Kilang dan Jentera (Kendalian Bangunan dan Kerja Binaan Kejuruteraan) (Keselamatan) 1986 (BOWEC) yang bersifat preskriptif serta mempunyai skop terhad kepada fasa pembinaan saja," katanya.

> *Ketika ini hanya pihak kontraktor dipertanggungjawab tetapi pemaju tidak disabitkan apabila terjadi kemalangan.*
>
> **Lee Lam Thye,** *Pengerusi Ikatan Komuniti Selamat*

Sebelum ini, garis panduan Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Industri (OSHCIM) sudah dikeluarkan pada 2017.

Mengikut rekod JKKP, sektor pembinaan antara sektor mempunyai kadar kemalangan maut tinggi iaitu 13.4 bagi setiap 100,000 pekerja dan secara purata, 4,000 kes kemalangan berlaku pada 2015 hingga 2018.

Kadar ini, katanya, tiga kali ganda lebih tinggi daripada purata kadar kemalangan maut negara pada 2018 iaitu 4.14 per 100,000 pekerja.

"Sehingga bulan lalu, sebanyak 123 tindakan pendakwaan sudah dilaksanakan, 1,109 tindakan kompaun diselesaikan membabitkan keseluruhan penalti RM3.7 juta dan 4,244 notis larangan dikeluarkan ketika aktiviti penguatkuasaan dijalankan," katanya.

**Di Muar,** Pengerusi Ikatan Komuniti Selamat, Tan Sri Lee Lam Thye, berkata sudah tiba masa kerajaan membuat pindaan terhadap Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 yang bertujuan menjadikan pihak pemaju turut bertanggungjawab terhadap kes kemalangan di tapak pembinaan.

Mengulas kejadian kren tumbang di sebuah tapak pembinaan di Bandar Baru Sentul, Kuala Lumpur, Jumaat lalu, beliau menegaskan ketika ini hanya pihak kontraktor dipertanggungjawab tetapi pemaju tidak disabitkan apabila terjadi kemalangan.

"Saya harap pindaan yang relevan boleh dibuat terhadap akta ini supaya pihak pemaju turut sama bertanggungjawab mengenai keselamatan di tapak pembinaan kerana ada implikasinya yang serius membabitkan orang ramai," katanya selepas menghadiri Program Bersama Memerangi Jenayah Siber: Apa Peranan Anda di Pusat Konvensyen Hab Pendidikan Tinggi Pagoh, semalam.

beliau berkata, JKKP perlu kerap melakukan pemeriksaan mengejut di tapak pembinaan serta memastikan setiap operator kren di tapak pembinaan seorang yang cekap dan memiliki sijil kelayakan mengendalikan kren kerana ada maklumat pihak tertentu melantik operator kren yang tidak memiliki kelayakan yang cukup kerana mahu menjimatkan kos.

**PERUNDANGAN KOMPREHENSIF TANGANI ISU KESELAMATAN**
Publication: **Berita Harian**
Date of publication: **16 December 2019**
Page number: **12**

# Jengkaut 'makan tuan'

## Lelaki maut dihempap kenderaan dikendalikan ketika kerja

Oleh Ahmad Ismail.
am@hmetro.com.my

**Labis**

Seorang lelaki maut dihempap jengkaut dikendalikannya ketika melakukan kerja pembersihan di Padang Ragut Peta Temalik, Jalan Tengah, Kampung Tengah, jam 5.20 petang kelmarin.

Pegawai Operasi, Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Labis Sharfini Nasar berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan pada jam 5.27 petang sebelum sebuah jentera bersama tujuh anggota dikejarkan ke tempat kejadian.

Menurutnya, anggota bomba mengambil masa 20 minit untuk mengeluarkan mayat mangsa dengan mengapungkan beg antara lelaki itu dan jengkaut.

"Mangsa berjaya dikeluarkan disahkan sudah meninggal dunia oleh pasukan perubatan yang melakukan pemeriksaan.

"Lelaki itu parah di kepala dan badan. Mayatnya kemudian dihantar ke Hospital Segamat untuk bedah siasat," katanya.



ANGGOTA bomba bertungkus-lumus mengeluarkan mayat mangsa yang dihempap jengkaut.

**JENGKAUT 'MAKAN TUAN'**
Publication: **Harian Metro**
Date of publication: **05 December 2019**
Page number: **05**

# Construction worker killed in cave-in

By STEPHEN THEN
stephenthen@thestar com.my

**MIRI:** A cave-in has killed a construction worker in Sarawak's Serian district – the first fatality of this year's northeast monsoon.

Nicholas Jawan, 33, was buried alive while working at a construction site at Jln Monkos near Kg Bunan Gega at 10am yesterday.

The Sarawak Fire and Rescue Department said the victim was already dead when he was pulled out from beneath the soil.

In the meantime, Sarawak's coastal areas are seeing dense clouds, even as a cyclone builds up in strength in the seas between Sabah and the Philippines, as per the latest satellite images from the Malaysian Meteorological Department yesterday morning.

The immediate concern for Sarawak is the heavy build-up of clouds along the state's coast, with clouds stretching from Kuching in the southern tip to Miri in the northern portion, which is still reeling from Sunday's night and Monday's morning flash floods.

Yesterday saw three schools – SK Long Panai, SK Pengiran Enteri and SK Sungai Bong – in the interior districts of Tinjar and Baram flooded.

The schools were empty as students were away for the school holidays.

In another incident, a collision between two vehicles along the Miri-Brunei highway during heavy rain yesterday morning left one person and four others injured.

Chin Moi Moi, in her 60s, died in the accident about 20km north of Miri about 10am.

A Toyota Hilux with three people inside rammed into the car driven by Chin, though her passenger Chin Fook Lin survived the impact.



**Deadly disaster:** Firefighters inspecting the site of the cave-in at Jalan Monkos near Kpg Bunan Gega in Miri.

**CONSTRUCTION WORKER KILLED IN CAVE-IN**
Publication: **The Star**
Date of publication: **04 December 2019**
Page number: **12**

Disclaimer

© Copyright 2019. National Institute of Occupational Safety and Health Malaysia. All rights reserved.No part of this publication can be reproduced, stored in retrieval system, or transcribed in any forms or by any means, electronic, photocopying, or otherwise, without the prior written permission of the copyright owner.